



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA



HUMAN RESOURCE DEVELOPMENT CORPORATION

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA DAN HRD CORP ANJUR KARNIVAL TVET MADANI SEMPENA NATIONAL TRAINING WEEK 2023

Kota Kinabalu, 27 Mei 2023 – Kementerian Sumber Manusia menerusi agensinya, Human Resource Development Corporation (HRD Corp) telah menganjurkan **Karnival TVET MADANI sempena dengan *National Training Week (NTW) 2023***. Karnival tersebut telah dirasmikan oleh **Yang Berhormat Tuan Ts. Mustapha Sakmud, Timbalan Menteri Sumber Manusia** bertempat di Masjid Bandaraya Kota Kinabalu, Sabah.

Berlangsung dari 22 Mei hingga 28 Mei di seluruh negara, NTW 2023 merupakan satu minggu acara dan aktiviti latihan yang membawa organisasi serta individu dari pelbagai latar belakang dan industri untuk peluang pembelajaran dan pembangunan. Inisiatif ini merupakan yang pertama dalam negara, di mana program-program latihan telah dijalankan di seluruh negara oleh individu dan organisasi Malaysia serta ditawarkan secara percuma kepada semua rakyat Malaysia.

Karnival tersebut menyaksikan penglibatan pelbagai jabatan dan agensi kerajaan seperti Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), dan Jabatan Tenaga Kerja (JTK) dengan kehadiran lebih 3,000 warga Sabah. Agensi-agensi ini menyediakan sesi taklimat mengenai keselamatan dan kesihatan pekerjaan, Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah Tangga, pembangunan kemahiran dan isu buruh di Sabah.

Karnival TVET MADANI juga menampilkan pelbagai aktiviti sosio-ekonomi yang penting seperti Program Ekonomi Negara Insaniah oleh Ad Access, Sesi Amalan Pengurusan Tidur oleh Prof. Dr. Louis Adailakam, Ketua Pegawai Eksekutif Alpha International Training and Consultancy Sdn Bhd, ceramah oleh Universiti Malaysia Sabah, serta sesi Motivasi Tahfiz MADANI.

Dalam ucapan perasmian Timbalan Menteri Sumber Manusia, Yang Berhormat Tuan Ts. Mustapha menyatakan keperluan untuk menyediakan dan memastikan akses kepada pendidikan dan latihan berkualiti tinggi adalah merata dan meluas kepada semua lapisan masyarakat untuk meningkatkan potensi setiap individu dan membangunkan negara ke arah kemajuan yang berterusan.

UNTUK SIARAN SEGERA

27 MEI 2023

“Saya berharap melalui Karnival TVET MADANI dan NTW ini kita dapat sama-sama menghayati serta mempraktikkan semangat Malaysia MADANI serta memperkukuhkan sektor TVET di Malaysia terutamanya dalam membentuk generasi anak bangsa yang bakal memimpin negara pada masa akan datang” tambah beliau.

Beliau juga menyeru kepada semua pihak, termasuk sektor awam, sektor swasta, institusi pengajian tinggi, sekolah-sekolah teknikal, dan pelajar-pelajar, untuk terus memperkukuhkan kerjasama dan melibatkan diri secara aktif dalam pembangunan modal insan negara.

Sementara itu, Wan Yon Shahima Wan Othman, Ketua Pegawai Pelanggan HRD Corp yang turut hadir di upacara tersebut mengharapkan HRD Corp, melalui inisiatif NTW ini akan dapat memperkukuhkan lagi persediaan modal insan negara yang berkualiti dan berdaya saing tinggi bertaraf antarabangsa.

Selain itu, beliau telah mengumumkan bahawa *National Human Capital Conference & Exhibition (NHCCE) 2023 – Wilayah Borneo* akan diadakan di Sabah *International Convention Centre (SICC)* pada 4-5 Julai nanti. Ini merupakan kali pertama persidangan tahunan HRD Corp diadakan di wilayah-wilayah utama di Malaysia.

Kementerian Sumber Manusia dan HRD Corp menyasarkan lebih 5,000 kursus, 125,000 peserta dan 500,000 jam latihan. Setakat Jumaat, 26 Mei, 5.00 petang, jumlah kursus yang ditawarkan sudah melebihi sasaran dengan 21,052 kursus. Ini termasuk lebih daripada 300 kursus yang ditawarkan kepada rakyat Sabah. Manakala penyertaan kursus berada pada 103,823 dengan jumlah jam latihan yang telah dilengkapkan adalah sebanyak 404,312 jam secara keseluruhan.

Rakyat Malaysia masih boleh melayari www.nationaltrainingweek.gov.my untuk mengetahui lebih lanjut dan mendaftar kursus yang tersedia secara percuma sehingga Ahad, 28 Mei 2023.

– TAMAT –

Mengenai Human Resource Development Corporation (HRD Corp):

Human Resource Development Corporation (HRD Corp) ditubuhkan pada tahun 1993 dengan dikenali sebagai Majlis Pembangunan Sumber Manusia (MPSM). Ia kemudian diperbadankan menjadi Pembangunan Sumber Manusia Berhad pada melalui pengubalan Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001.

Sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia, HRD Corp bertanggungjawab terhadap pungutan levi dari industri utama serta pengeluaran geran latihan melalui mekanik dalamannya yang dikenali sebagai Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM) atau Human Resources Development Fund (HRDF).

Pada April 2021, HRDF telah dijenamakan semula kepada HRD Corp. Perubahan nama ini adalah cerminan tanggungjawab, arah dan misi organisasi yang baharu. Ini termasuk memperluas usaha peningkatan kemahiran dan kemahiran semula pekerja kepada semua majikan dan individu warga Malaysia; di samping memberi peluang menjana pendapatan kepada semua komuniti yang memerlukan.

Transformasi ini sejajar dengan cita-cita HRD Corp untuk memacu aspirasi pengembangan bakat tempatan untuk jangka panjang.

Untuk maklumat lanjut, sila layari – www.hrdcorp.gov.my.
